

## **INOVASI GURU DALAM PENGAJARAN MEMBANTU MENINGKATKAN PENGUASAAN KOSA KATA MURID DALAM BAHASA ARAB DI SEKOLAH**

**Najwa Humaira' Mat Nor**  
Pendidikan Bahasa Arab, Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Nik Mohd Rahimi**  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Corresponding Author's Email : p104013@siswa.ukm.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 11 March 2022*

*Accepted : 25 March 2022*

*Published : 31 December 2022*

### **ABSTRAK**

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk menyelidik tentang masalah kosa kata bahasa Arab yang dihadapi oleh murid di sekolah dan inovasi yang dilakukan oleh guru dalam pengajaran bahasa Arab. Penguasaan kosa kata amat penting dalam pembelajaran bahasa terutama dalam bahasa asing seperti bahasa Arab dan masalah ini perlu diselesaikan dengan menggunakan bahan-bahan bantuan daripada guru-guru. Bagi mendapatkan data kajian, temubual secara dalam talian telah dilakukan. Responden kajian melibatkan tiga orang guru dalam kawasan Kuala Lumpur dan juga Selangor. Hasil daripada temubual tersebut mendapati wujudnya masalah kosa kata bahasa Arab dalam kalangan murid. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelbagai inovasi telah dilakukan oleh guru dan murid telah menunjukkan peningkatan dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab.

**Kata kunci :** masalah murid, kosa kata, inovasi, peningkatan, penguasaan.

### ***TEACHER'S INNOVATION APPROACH IN TEACHING HELP STUDENT INCREASE THEIR ARABIC VOCABULARY AT SCHOOL***

### **ABSTRACT**

*This study was conducted to investigate the Arabic vocabulary problems faced by students in schools and the innovative approaches taken by teachers in teaching Arabic. Vocabulary mastery is very important in language learning especially in foreign languages like Arabic and this problem needs to be solved by using aid materials from teachers. To obtain study data, online interviews were conducted. The respondents of the study involved three teachers in Kuala Lumpur and Selangor. The results of the interviews found that there are problems with Arabic vocabulary among students. The findings of the study also show that various innovative approaches have been undertaken by teachers and students have shown improvement in the mastery of Arabic vocabulary.*

**Keyword:** *student problems, vocabulary, innovation, improvement, mastery.*

## **PENDAHULUAN**

Masalah dalam pembelajaran kosa kata bukanlah masalah asing yang dihadapi oleh murid sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah atau dalam kalangan pelajar di institusi tinggi. Matlamat umum dalam bahasa Arab adalah berfokus kepada empat kemahiran yang tidak lagi asing untuk setiap individu yang mempelajari bahasa. Empat kemahiran tersebut adalah kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Namun begitu, fokus yang paling utama dalam pembelajaran bahasa adalah penguasaan kosa kata dalam diri pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini akan menyelidik sedikit sebanyak tentang apa punca murid tidak dapat menguasai kosa kata dan apa pula strategi dan inovatif yang telah digunakan untuk menyelesaikan masalah ini dalam kalangan pelajar melalui kajian-kajian daripada kajian terdahulu.

Abu Syarif, Lafi & Ghatassiat (1989) menyatakan bahawa kosa kata mempunyai kedudukan yang sangat istimewa dalam konteks penggunaan bahasa. Aspek kosa kata sangatlah penting dalam membina dan memanipulasi ayat. Dalam penulisan pula, kosa kata dikatakan sangat berperanan untuk menghasilkan sebuah wacana yang baik (Che Radiah Mezah, 2009). Hal ini membuktikan bahawa kosa kata merupakan elemen yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa. Ianya disokong lagi dengan pernyataan daripada Qomaruddin (2017) yang berpendapat bahawa kemampuan seseorang dalam kosa kata secara umum menjadi gambaran kepada tahap pendidikan yang dimiliki dalam pembelajaran bahasa.

Inovasi pula merupakan ruang dan peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam sesi PdPc di sekolah. Konsep inovasi ini sesuai dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia yang menginginkan aktiviti di sekolah berasaskan 4K1N iaitu komunikasi, kreativiti, kolaborasi, pemikiran kritis dan nilai sahsiah (Sinar Harian, 2018). Oleh itu, inovasi yang diwujudkan oleh guru memberi impak yang sangat besar dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar di sekolah.

Kajian ini akan cuba mengkaji tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh murid ketika pengajaran penguasaan kosa kata dilaksanakan di sekolah. Kajian ini penting bagi murid dan juga guru yang mengajar bahasa Arab terutamanya guru baharu bagi menyediakan mereka dalam menghadapi dunia pengajaran dan pembelajaran agar mereka tahu apa kebanyakan masalah yang dihadapi dalam pembelajaran kosa kata. Selain itu, kepentingan kajian ini juga bertumpu kepada penulis buku-buku bahasa Arab. Hal ini kerana, buku yang dihasilkan akan dibaca dalam kalangan guru dan pelajar yang berkaitan dengan subjek ini. Mohd Nazri Abdul Rahman et.al (2013) menyatakan bahawa penyediaan buku teks yang kurang sesuai dengan tahap dan kebolehan pelajar akan mengurangkan minat mereka terhadap bahasa.

Di samping itu, penggubal kurikulum juga perlu membaca kajian-kajian berkenaan masalah kosa kata ini dengan lebih terperinci. Terdapat dalam kalangan penggubal tidak pernah turun ke medan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kenyataan ini menyebabkan kurikulum yang dihasilkan tidak mampu memberi input yang sesuai dengan masalah pembelajaran murid dalam subjek bahasa Arab. Jika dibandingkan dengan aspek lain, aspek kosa kata merupakan aspek paling tinggi dalam komunikasi dan medium perantaraan (Pan, 2003; Abd.Aziz, 2000; Asmah Omar, 1984).

Di dalam kajian lain juga, ada dinyatakan bahawa pelajar mempunyai saiz kosa kata bahasa Arab yang terhad dan lemah (Rahim, 2009). Hal ini membuktikan bahawa masalah ini bukanlah baru berlaku dalam kalangan murid di sekolah. Kelemahan ini menjadi satu kekurangan untuk murid menguasai bahasa dengan baik. Selain itu, Azani (2012) menyatakan bahawa kurangnya penguasaan kosa kata merupakan punca kelemahan murid dalam bahasa Arab. Apabila kurangnya kosa kata, setiap aktiviti lain dalam pendidikan bahasa Arab mula menemui masalah yang semakin membimbangkan.

Murid yang menghadapi masalah perbendaharaan kata dan struktur ayat juga adalah berpunca daripada murid yang kurang menghafal dan tidak dapat mengingat bahan yang diajar oleh guru (Ismail, 1999). Hal ini menyukarkan lagi sesi pembelajaran bahasa Arab dan seterusnya mengikis rasa minat murid terhadap pembelajaran.

Kajian ini dijalankan secara kualitatif melibatkan instrumen temubual dan analisis dokumen. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan rujukan terutama dalam mengetahui masalah-masalah kosa kata murid dalam bahasa Arab di sekolah. Di samping itu, kajian ini akan mengambil kira tentang analisis dokumen terkini tentang inovasi guru dalam menyelesaikan masalah kosa kata murid di sekolah bagi memastikan kajian ini boleh digunakan untuk rujukan di masa hadapan.

Para pembaca juga mendapat pendapat pencerahan tentang kosa kata murid yang amat lemah dalam bahasa Arab melalui kajian ini. Hal tersebut akan memberi kesedaran kepada pelbagai pihak bahawa masalah ini sepatutnya diselesaikan dengan bantuan orang sekeliling dan bukan hanya dalam kalangan guru yang mengajar sahaja. Di samping itu, kajian ini dapat memberikan input dan penyelesaian kepada pembaca yang menghadapi masalah yang sama dalam dunia pendidikan. Contohnya pembaca dalam kalangan guru dan bakal guru yang berada di institusi pendidikan.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh murid dalam kosa kata bahasa Arab serta penyelesaian inovatif yang dilaksanakan oleh guru di sekolah. Daripada tujuan ini, dua objektif telah dikenalpasti iaitu (i) mengenalpasti masalah murid dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab di sekolah dan (ii) mengenalpasti inovasi yang digunakan oleh guru dalam meningkatkan kosa kata bahasa Arab murid di sekolah.

Secara keseluruhannya, artikel ini akan membincangkan tentang empat bahagian iaitu pengenalan tentang masalah kosa kata bahasa Arab seperti yang telah dinyatakan di atas. Kemudian, tinjauan literatur dan kerangka konsep yang digunakan. Seterusnya metodologi dan dapatan yang telah diperolehi dan seterusnya perbincangan mengenai dapatan serta implikasi dan cadangan kajian lanjutan.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Masalah Kosa Kata Di Sekolah**

Masalah kosa kata bahasa Arab tidak lagi asing dalam kalangan murid. Hamdi (2010) menyatakan bahawa, kelemahan pelajar dalam penguasaan kosa kata akan melemahkan mereka dalam memahami teks, membina ayat dan bertutur. Hal ini membuktikan bahawa masalah kosa kata merupakan punca utama kepada masalah-masalah yang lain dalam pembelajaran bahasa. Oleh itu, pelbagai inovasi dilakukan oleh para guru bagi membendung dan menyelesaikan masalah tersebut.

Antara tema kajian ini adalah masalah murid dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Masalah ini muncul dan terdiri daripada beberapa subtema yang lain. Pertamanya, masalah dalam menguruskan masa belajar bahasa Arab. Hal ini disebabkan oleh kurangnya galakan dan dorongan daripada orang sekeliling sekaligus menjadi murid lemas dalam mempelajari bahasa. Selain itu, murid juga mengalami masalah dalam minat terhadap bahasa itu sendiri. Minat merupakan tunjang kesungguhan yang perlu ada sebelum seseorang individu menceburi sesuatu perkara. Namun begitu, apabila minat ini berkurangan, maka setiap perkara yang berkaitan dengannya juga akan dipandang enteng. Di samping itu, masalah terbesar di dalam tema ini adalah masalah dalam mengingat kosa kata itu sendiri. Ingatan memberi kesan yang besar dalam hafalan. Kurangnya daya ingatan terhadap bahasa menjadikan masalah dalam subjek ini semakin membesar dan memburuk di masa akan datang.

Kajian ini juga mengkaji tema tentang inovasi guru dalam menyelesaikan masalah yang timbul. Antara penyelesaian yang sering dilakukan adalah memberi perhatian yang lebih terutamanya kepada murid yang lemah dalam pembelajaran bahasa. Selain itu, guru akan kerap bertanya dan menyoal murid bagi membolehkan murid sentiasa bersedia dan menyiapkan diri dengan jawapan masing-masing. Dalam era globalisasi ini juga, kebanyakan guru telah mempraktikkan kaedah “fun learning” seperti nyanyian, permainan dan aktiviti-aktiviti yang dapat menarik minat murid dalam pembelajaran bahasa. Pemilihan teknik dan aktiviti yang menarik dapat memastikan pembelajaran lancar dan murid dapat memahami isi kandungan dengan baik (Irma Martiny et al. 2017).

### **Inovasi Guru**

Kajian ini dijalankan hanya untuk guru bahasa Arab yang mengajar di sekolah rendah sebagai peserta kajian kerana kajian ini bertujuan untuk mengetahui masalah kosa kata di peringkat permulaan. Peserta pula ialah guru bahasa Arab yang telah berkhidmat di sekolah bandar atau luar bandar melebihi dua tahun dan telah disahkan dalam perkhidmatan. Hal ini adalah untuk memastikan guru yang dijadikan peserta mempunyai pengalaman dalam pengajaran bahasa Arab yang lebih baik serta telah menghadapi pelbagai ragam murid dalam pembelajaran bahasa Arab. Sekolah yang terlibat adalah beberapa buah sekolah di Selangor dan Kuala Lumpur yang majoritinya merupakan sekolah bandar.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, terdapat banyak inovasi guru dalam meningkatkan penguasaan kosa kata murid dalam subjek bahasa Arab. Antaranya adalah penggunaan komik bahasa Arab sebagai bahan bantu di sekolah. Dian Rohaeni (1995) menyatakan bahawa 91.5% kanak-kanak merupakan peminat tegar komik. Minat kanak-kanak yang sebegini telah diolah oleh guru dengan membina komik bahasa Arab yang dapat membantu minat murid terhadap bahasa Arab lebih berkembang di samping menambah penguasaan kosa kata murid dengan lebih menarik. Selain itu, menyanyi juga merupakan satu inovasi yang sering dilaksanakan. Menyanyi merupakan aktiviti yang dapat memberi kepuasan dan kebahagiaan untuk seseorang individu (Novi Mulyani, 2017). Pendekatan kreatif dan inovatif guru merangsang murid untuk menggunakan bahasa Arab dalam penulisan dan pertuturan serta menambah kecintaan terhadap bahasa ini (Salmah, Suhaila, 2017).

Di samping itu, dunia sedia maklum dengan kehadiran wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda hampir keseluruhan dunia pada waktu sekarang dan hal ini menjejaskan sektor pendidikan negara. Namun begitu, ianya bukan lagi alasan untuk para guru mencari cara untuk mengembangkan kosa kata murid memandangkan era globalisasi dunia yang semakin meningkat. Ramai guru telah menjalankan dan membina permainan-permainan kosa kata atas talian yang secara tidak langsung memberi manfaat serta menambah kosa kata bahasa Arab murid walaupun tidak hadir ke sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dapat merangsang minda murid perlu dipertingkatkan bagi memudahkan proses pembelajaran melalui strategi pengajaran inovatif (Ahmad Shafiq et al. 2017; Ahmad Faizuddin et al. 2016). Oleh itu, walaupun tidak bersemuka, guru-guru masih perlu melaksanakan aktiviti bagi mengelakkan murid terabai dalam pembelajaran menggunakan medium-medium tertentu.

Selain menganalisis kajian-kajian lepas tentang masalah kosa kata dalam kalangan murid, kajian ini juga dijalankan secara kualitatif melibatkan instrumen temubual guru-guru bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan rujukan terutama dalam mengetahui masalah-masalah kosa kata murid dalam bahasa Arab di sekolah. Di samping itu, kajian ini akan mengambil kira tentang analisis dokumen terkini tentang inovasi guru dalam menyelesaikan masalah kosa kata murid di sekolah bagi memastikan kajian ini boleh digunakan untuk rujukan di masa hadapan.

## **METODOLOGI**

Rekabentuk kajian ini merupakan kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan prosedur penyelidikan secara kualitatif di mana pengkaji akan menemubual peserta kajian yang terdiri daripada guru-guru bahasa Arab serta guru cemerlang bahasa Arab. Kajian ini menjalankan persampelan bertujuan (purposive sampling) untuk memilih peserta yang kaya dengan maklumat serta pengalaman untuk menerangkan masalah yang dikaji. Menurut Merriam (1998), kajian kualitatif tidak menetapkan bilangan peserta dalam satu kajian yang dijalankan. Selain itu, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa bilangan peserta yang dipilih untuk persampelan bertujuan sentiasa kecil, asalkan peserta tersebut kaya dengan informasi untuk kajian dijalankan dengan sistematik (Bailey, 2006).

Dalam kajian ini, peserta kajian terdiri daripada 3 orang guru bahasa Arab. Guru-guru ini dipilih berdasarkan tiga kriteria iaitu mempunyai pengalaman mengajar selama tiga tahun ke atas, telah disahkan dalam perkhidmatan dan mengajar bahasa Arab bagi tahun 4, 5 atau 6. Peserta kajian yang dipilih merupakan guru-guru yang mengajar di sekitar kawasan Selangor dan Kuala Lumpur yang mana kawasan-kawasan ini kebanyakannya bertaraf bandar. Kesemua peserta ini dipilih berdasarkan pengetahuan mereka dalam opsyen dan merupakan guru bahasa Arab yang mempunyai pengalaman yang lama di sekolah berkenaan masalah murid dalam kosa kata.

Instrumen yang digunakan adalah temubual guru. Temubual yang dijalankan adalah berdasarkan kepada persoalan kajian yang telah ditentukan. Persoalan kajian yang pertama adalah “apakah masalah murid dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab di sekolah?”. Persoalan kedua pula adalah “apakah inovasi yang digunakan oleh guru dalam meningkatkan kosa kata bahasa Arab di sekolah”.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan temubual secara berstruktur untuk peserta kajian. Pengkaji akan menyiapkan soalan kajian terlebih dahulu untuk ditanyakan kepada peserta. Soalan-soalan berkaitan isu berbangkit akan ditanya apabila dianggap perlu oleh pengkaji. Soalan yang berkaitan juga akan ditanya secara merta kepada peserta kajian mengikut adab tatacara temubual yang betul.

Data-data yang telah dirakam menggunakan aplikasi dalam talian akan dipindahkan kepada nota atau karangan secara sistematik dan akan dimasukkan ke dalam Microsoft word. Proses ini bertujuan agar pengkaji dapat melaksanakan pengkodan terbuka semasa menganalisis data yang diperolehi.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang dibentangkan ialah data yang diperolehi daripada kajian tinjauan tiga orang guru sebagai peserta kajian dan dibentangkan mengikut setiap peserta kajian iaitu Guru 1 (peserta kajian 1), Guru 2 (peserta kajian 2) dan Guru 3 (peserta kajian 3). Dapatan kajian tidak membandingkan antara Guru 1, Guru 2 dan Guru 3 tetapi menggabungkan ketiga-tiga analisis data untuk memberi kefahaman bagi fenomena kajian yang dijalankan. Latar belakang guru dibincangkan terlebih dahulu sebelum membuat analisis data.

## Latar Belakang Guru

Guru 1 mempunyai pengalaman bekerja selama 14 tahun dalam bidang pendidikan serta mempunyai Ijazah Usuluddin dan Falsafah, Falsafah Pendidikan Islam di UKM dan mempunyai Diploma Pendidikan Bahasa Arab dari IPG Bangi. Guru 1 merupakan seorang Ketua Panitia Bahasa Arab di sekolahnya. Guru 2 pula merupakan seorang pelajar lulusan Ijazah Pengajian Islam dan Bahasa Arab dari Universiti Kaherah, Mesir dan mempunyai pengalaman mengajar selama 7 tahun di sekolah. Guru 3 mempunyai 8 tahun pengalaman mengajar di sekolah dan mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam Pendidikan Bahasa Arab. Ketiga-tiga guru mempunyai kelulusan dalam bidang bahasa Arab dan merupakan opsyen semasa mereka di sekolah masing-masing.

## Masalah Pengajaran Kosa Kata

Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan pada Bab 1:

Persoalan Kajian 1 : Apakah masalah murid dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab di sekolah?

**Jadual 1.1 : Masalah murid dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab di sekolah**

Guru	Penyataan
Guru 1	<i>“Masalah murid adalah apabila bertemu dengan perkataan-perkataan baru seperti kata pinjaman bahasa Inggeris. Kebiasaannya adalah perkataan yang susah dan baru”</i>
Guru 2	<i>“Masalah pertama adalah apabila kita hendak menarik minat murid. Jadi kita sebagai guru ni kena bersedia dengan bahan bantu belajar yang menarik dan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan, untuk kita tarik minat murid. Yang Islam dah memang pasti. Yang bukan Islam tu kita kena tambah lagi supaya minat murid tu dapat ditarik untuk melaksanakan PdP pada hari tu.”</i> <i>“Untuk masalah yang kedua, lebih kepada masalah sebutan huruf pada kalimah yang kita nak ajar. Ada murid yang mempunyai masalah ketika nak menyebut kosa kata yang kita bagi pada huruf-huruf yang tertentu”</i> <i>“Dan masalah yang ketiga, ermmm murid nak mengingati kosa kata tu”</i>
Guru 3	<i>“Bila sebut tentang kosa kata, masalah pertama adalah untuk menarik minat murid dalam menghafal”</i> <i>“mungkin jugak murid ni susah nak menghafal apabila tak pandai membaca”.</i>

## **Minat Murid**

Berdasarkan dapatan yang telah diperolehi, ketiga-tiga guru menyatakan bahawa sememangnya wujud masalah dalam kosa kata bahasa Arab murid di sekolah. Masalah pertama yang ditekankan adalah tentang minat murid yang agak sukar dipupuk dalam pembelajaran bahasa Arab. Elemen ini amat penting kerana tanpa minat, murid tidak akan mampu menguasai pembelajaran bahasa yang diberikan. Minat yang harus disemai bukan hanya dalam kalangan murid Islam namun perlu juga ditekankan dalam diri murid bukan Islam. Hal ini kerana sebagai guru, pencapaian dan penguasaan dalam sesuatu perkara perlu dikuasai oleh setiap murid yang diajar samada berlainan bangsa atau agama. Masalah minat tidak terlalu ketara di sekolah Guru 1 kerana sekolah Guru 1 tidak mempunyai murid yang berlainan agama. Oleh hal yang demikian, setiap murid di sekolah tersebut sering didedahkan dengan huruf-huruf bahasa Arab dan bahasa Arab bukanlah sesuatu yang asing dan baru.

## **Sebutan Huruf**

Masalah kedua yang ditekankan adalah tentang sebutan huruf bagi murid yang tidak tahu membaca. Masalah ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan murid moral bahkan masih banyak terjadi kepada murid Islam. Guru 2 dan Guru 3 menyatakan tentang masalah ini dalam temubual yang dilaksanakan.

## **Hafalan Murid**

Masalah ketiga murid adalah berkaitan dengan kesukaran menghafal kosa kata yang telah ditentukan dalam silibus masing-masing. Masalah ini disebut oleh Guru 1, 2 dan 3 di dalam rakaman temubual. Hafalan yang ditentukan tanpa ada sebarang bahan bantu sememangnya akan memberikan kesukaran bukan sahaja kepada murid bahkan kepada orang dewasa.

## **Inovasi Guru Dalam Pengajaran**

Persoalan Kajian 2 : Apakah inovasi yang digunakan oleh guru dalam meningkatkan kosa kata bahasa Arab murid di sekolah?

**Jadual 2.1 : Inovasi yang digunakan oleh guru bahasa Arab di sekolah**

<b>Guru</b>	<b>Penyataan</b>
Guru 1	<i>“Kita ada kamus bergerak seperti kamus bergambar dan jugak flash card lah. Kamus tu ada dalam 3 bahasa iaitu BM, BI, dan BA. Sape yang berminat boleh beli melalui pembayaran yuran PIBG. Kamus tu memang sangat membantu murid-murid.”</i>
Guru 2	<i>“Saya bersama dua orang rakan membina satu aplikasi pembelajaran digital yang diberi nama QaManar. QaManar ni adalah singkatan daripada perkataan <math>\text{ق}</math> adalah <math>\text{ق}</math>, A tu adalah <math>\text{ا}</math>, dan manar yang bermaksud pena arab yang memuncak. Qamanar ni adalah satu kamus interaktif yang objektifnya adalah untuk membantu murid menambahkan kosa kata bahasa Arab dan kemahiran membina ayat dalam bahasa Arab.”</i>
Guru 3	<i>“Kalau dari segi bahan bantu atau inovasi, saya akan buat kad perkataan yang saya print gambar, dan diorang boleh suaikan, boleh letak pada whiteboard. Bila ada aktiviti begitu, dia lebih seronok.” <i>“Saya juga ada guna permainan contohnya, bawak bola ke, buat kotak beracun. Setidak-tidaknya, diorang happy lah.”</i> <i>“Powerpoint pernah jugak buat, guna LCD, bukak video nyanyian, murid ikut sekali, nyanyi sama-sama. Murid dapat ingat lah.”</i></i>

### **Kamus Interaktif**

Dapatan bagi persoalan yang kedua juga membuktikan bahawa guru ada menjalankan inovasi dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab. Inovasi yang dilakukan adalah bertujuan untuk menarik minat serta membantu dalam pembelajaran bahasa Arab murid. Guru 2 telah membina satu aplikasi atas talian yang diberi nama QaManar bagi membantu dalam pengajaran beliau. Aplikasi berbentuk kamus interaktif ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua pihak khususnya murid-murid di sekolah. Berdasarkan kajian Mustafa (1994), Norma (2003), Syakirah (2004) dan Ghazali Yusri (2012), mereka berpendapat bahawa pelajar sangat kurang menggunakan kamus dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah. Oleh itu, aplikasi seperti QaManar ini akan mencambahkan minat pelajar untuk menggunakan kamus berbentuk dalam talian. Selain itu, penggunaan kamus interaktif sebagai sumber untuk mencari kosa kata bahasa Arab dianggap lebih efektif dan efisien (Wahida, 2017). QaManar merupakan aplikasi yang dibina pada tahun 2019 dan bertepatan dengan keadaan semasa pada tahun berikutnya iaitu negara telah dilanda pandemik Covid-19. Aplikasi ini sangat membantu murid untuk belajar dari rumah serta memberi panduan kepada ibu bapa untuk mengajar bahasa Arab di rumah walaupun ibubapa tidak berkemahiran dalam subjek tersebut.

### **Kad Imbasan Bergambar, Power Point dan Video**

Guru 3 pula telah membina flash card bergambar, video serta *slide* pembentangan untuk membantu menyelesaikan masalah murid dalam kosa kata bahasa Arab. Kesannya, murid berasa seronok dan berminat untuk menyertai aktiviti yang dijalankan ketika pengajaran Guru 3 di dalam kelas sekaligus memudahkan mereka untuk mengingati kosa kata tersebut. Hal ini seiring dengan pendapat Hamdayana (2017) yang menyatakan bahawa pembelajaran yang menggunakan media bergambar mampu untuk menjadikan murid aktif dalam pembelajaran. Penyataan ini disokong dengan Mufidah (2019) yang berpendapat bahawa murid akan berasa lebih seronok dan bersemangat dalam menguasai kosa kata setelah menonton video dan mampu menghafal 10 kosa kata dalam satu pertemuan.

### **Kamus Bergambar**

Guru 1 telah memperuntukkan duit bayaran PIBG murid untuk membeli kamus bergambar bagi memudahkan pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas bagi murid yang berkemampuan. Kamus bergambar ini setidaknya memberikan murid respon yang lebih positif ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Asyiah (2017) menyatakan bahawa membaca daripada kamus atau buku meningkatkan pengetahuan kosa kata murid melalui pembelajaran sendiri. Oleh itu, medium kamus bergambar ini bersesuaian untuk menyelesaikan masalah kosa kata murid.

### **Perbincangan**

Kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara inovasi guru dalam pengajaran dengan peningkatan penguasaan kosa kata murid dalam bahasa Arab di sekolah. Inovasi guru ini termasuklah permainan atas talian, pembinaan komik bahasa, penggunaan nasyid atau lagu, lakonan dan sebagainya. Kajian ini menggunakan model Kajian SPK Schmitt yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian. Metodologi kajian ini adalah kajian tinjauan kualitatif yang telah menggunakan borang temubual secara dalam talian kepada guru-guru yang telah dipilih di sekolah-sekolah tertentu. Secara keseluruhannya, terdapat hubungan yang positif di antara inovasi guru dalam pengajaran dengan peningkatan penguasaan kosa kata bahasa Arab murid di sekolah.

### **Inovasi Guru dalam Pengajaran**

Zimmerer dan Scarborough (2004) berpendapat bahawa inovasi adalah kebolehan untuk mengaplikasikan penyelesaian secara kreatif dalam sesuatu masalah yang timbul dan ianya akan meningkatkan keselesaan dalam hidup manusia. Sufea Hussin (2002) pula menyatakan inovasi adalah satu pembaharuan, modifikasi atau membaiki idea, benda, ilmu dan ciptaan seni budaya tamadun untuk

memenuhi kekurangan sesuatu. Daripada kedua pernyataan ini membuktikan bahawa inovasi mungkin boleh berbentuk sistem, kaedah, atau apa-apa yang berkaitan dengan teknologi bagi meningkatkan kualiti sesuatu termasuklah pengajaran guru.

Terdapat banyak kajian yang telah dilaksanakan berkaitan inovasi guru dalam pengajaran bahasa Arab. Pensyarah Kanan UPM, Prof Madya Dr Normahdiah Syeik Syed menyatakan bahawa dengan menggunakan gamifikasi, pelajar mampu menyelesaikan permasalahan yang sukar dalam situasi yang seakan “game” (Noor Eszereen Juferi , 2018). Hal ini menguatkan lagi hujah bahawa inovasi seperti permainan atas talian memberikan impak positif dalam pembelajaran bahasa Arab pelajar di sekolah.

Inovasi dalam pengajaran sememangnya akan membantu pelajar dalam meningkatkan prestasi pembelajaran terutamanya dalam bidang yang sukar seperti penguasaan kosa kata bahasa. Berdasarkan dapatan, inovasi guru telah meningkatkan minat pelajar untuk lebih menumpukan perhatian dalam pengajaran di sekolah serta memudahkan pelajar untuk mengingat apa yang dipelajari. Contohnya kamus interaktif. Kamus dalam talian ini sangat menarik minat pelajar dalam pelajaran bahasa Arab dan memudahkan pelajar belajar secara sendiri samada di sekolah ataupun di rumah. Bahan ini juga memudahkan ibubapa secara tidak langsung untuk membantu pelajar dengan lebih yakin dengan merujuk kepada kamus tersebut apabila mereka tidak mengetahui maksud perkataan.

Pelajar pada masa kini lebih tertumpu kepada pelbagai aktiviti yang melibatkan mereka secara langsung di dalam kelas, berbeza dengan pelajar terdahulu yang lebih selesa untuk menerima ilmu secara chalk and talk sahaja. Perbezaan ini memberikan cabaran kepada guru masa kini untuk menarik perhatian pelajar terhadap pembelajaran terutamanya bagi guru yang mengajar bahasa asing seperti bahasa Arab. Oleh itu, inovasi yang dibina sangat penting bagi menyelesaikan masalah pembelajaran kosa kata bahasa ini.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa inovasi guru dapat membantu meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar di sekolah. Oleh itu, implikasi kajian ini dapat dibahagikan kepada beberapa pihak yang terlibat dalam proses kajian yang dijalankan. Pertama, implikasi kajian ini adalah terhadap amalan pelajar itu sendiri. Inovasi guru dalam pengajaran memberikan murid kecenderungan untuk meminati subjek yang diajar dengan lebih mendalam. Hal ini kerana keseronokan dalam belajar dapat dirasai dan dialami secara langsung ketika berada di dalam kelas bersama kawan-kawan mereka. Minat terhadap bahasa asing sememangnya amat sukar untuk ditanam terutamanya terhadap pelajar bukan Islam. Namun, minat yang diasah secara berterusan akan membantu murid dalam pembelajaran bahasa Arab dengan lebih baik.

Inovasi yang telah dihasilkan dan digunakan membantu pelajar Islam dan bukan Islam untuk menguasai bahasa Arab dengan baik. Berdasarkan kajian, inovasi guru juga dapat memperbaiki sebutan huruf bahasa Arab dengan lebih baik dan lancar. Bahan bantu tersebut melatih sebutan yang pelajar perolehi dan ditambahbaik dengan perkataan-perkataan lain. Hal ini kerana, setiap ilmu perlu diamalkan bagi mengelakkan ilmu tersebut pudar dari ingatan.

Seterusnya, implikasi kajian ini adalah kepada amalan guru-guru bahasa Arab. Bagi guru yang telah mencuba inovasi yang dicadangkan di dalam kajian ini, semestinya guru akan lebih bersemangat untuk meneruskan pengajaran setelah mendapati terdapat peningkatan dalam penguasaan kosa kata murid dalam bahasa Arab. Guru-guru digalakkan membuat perbincangan dan membuat bacaan bagi membina inovasi yang lebih baik. Bagi guru yang masih di dalam latihan pula, kajian ini akan memberikan inspirasi dan gambaran awal tentang cabaran yang bakal dihadapi serta persediaan mental fizikal yang perlu diperkuatkan sebelum masuk ke alam pengajaran dan pembelajaran di lapangan sekolah yang sebenar. Oleh itu, mempelajari dan berkongsi maklumat tentang bahan bantu mengajar menggunakan kajian-kajian sebegini amat penting untuk dilaksanakan.

Selain itu, implikasi dasar berkenaan kajian ini adalah Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mendedahkan guru-guru kepada pelbagai inovasi dalam pendidikan sebagai bahan bantu yang boleh menyokong pengajaran di dalam kelas. Pendedahan ini boleh dilakukan melalui kursus-kursus atau bengkel secara bersemuka atau secara dalam talian kepada guru-guru.



## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Terdapat beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh diusulkan setelah selesainya kajian ini. Antaranya, kajian boleh dijalankan secara kuantitatif dengan memberi borang soal selidik ringkas terhadap murid tahap dua tentang masalah yang dihadapi dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam bidang penguasaan kosa kata. Pada asasnya, pelajar tahap dua mampu menjawab soalan yang ditanya dengan menggunakan bahasa mudah tentang pembelajaran mereka. Jawapan pelajar secara tidak langsung dapat membuka mata para guru bahasa Arab tentang apa sebenarnya yang perlu dibaikpulih dalam pengajaran mereka.

Seterusnya, kajian lanjutan juga boleh dilaksanakan dengan meluaskan lagi kawasan kajian di negeri-negeri yang mempunyai pedalaman satu, dua dan tiga seperti negeri Pahang, Sabah dan Sarawak. Kajian sebegini boleh mencungkil permasalahan dalaman yang mungkin tidak dihadapi oleh pelajar-pelajar di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan Selangor. Masalah kosa kata di kawasan berlainan akan menimbulkan idea untuk pengkaji seterusnya menjalankan kajian dan penyelesaian yang lebih terperinci. Di samping itu, cadangan kajian lanjutan juga boleh memfokuskan kepada inovasi pengajaran tertentu yang boleh membantu meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Contohnya penghasilan komik bahasa Arab. Hal ini kerana komik merupakan bahan bacaan yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar pertengahan iaitu tahap dua dan pelajar sekolah menengah. Penghasilan komik yang menyeronokkan akan memberi impak yang lebih positif dan berkesan dalam kajian yang bakal dijalankan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah mengkaji tentang hubungan antara inovasi pengajaran guru dengan peningkatan penguasaan kosa kata bahasa Arab murid di sekolah. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif di antara kedua pembolehubah ini berdasarkan temubual yang telah dijalankan terhadap guru-guru bahasa Arab yang telah dipilih. Dapatan kajian ini secara langsung dapat membuktikan bahawa dengan wujudnya inovasi dalam pengajaran, minat murid terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab meningkat dengan lebih tinggi baik dalam kalangan pelajar Islam mahupun pelajar bukan Islam. Justeru, dengan meningkatnya minat dan pengetahuan dalam kosa kata, maka ianya juga akan meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar di sekolah secara tidak langsung. Seterusnya, kajian ini memberikan implikasi yang baik terhadap pelbagai pihak khususnya terhadap pelajar dan guru itu sendiri. Dari segi sumbangan pula, kajian ini dapat memberikan cetusan idea kepada bakal-bakal guru dan juga boleh menyedarkan ramai pihak bahawa pentingnya inovasi dalam pengajaran di sekolah khususnya bagi subjek yang agak sukar seperti bahasa Arab. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini amatlah penting dan memberi banyak manfaat kepada semua pihak samada pada zaman kini atau pada masa yang akan datang.

## RUJUKAN

- Ahmad Shafiq Mat Razali, Muhammad Haron Husaini, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Diyak Ulahman Mat Saad, Syafiqah Mohd Haron, Nur Hanani Hussin & Mohd Khmal Md Daud. (2017). *Kemahiran dan penyediaan bahan guru bahasa Arab terhadap penggunaan bahan bantu mengajar*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah 4(2): 120-126.
- Asyiah, D. N. (2017). *The Vocabulary Teaching And Vocabulary Learning: Perception, Strategies, And Influences On Students' Vocabulary Mastery*. Jurnal Bahasa Lingua Scientia, 9(2). DOI: 10.21274/ls.2017.9.2.293-318.
- Creswell, J. (2005). *Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (Ed. ke-2 ed.). New Jersey: Pearson Educational.
- Ghazali Yusri Abd. Rahman (2012). *Penilaian Kemahiran lisan dalam kurikulum bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. Bangi: Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamdayana, J. (2017). *Model dan Metode Pembelajaran Kreatif dan Berkarakter*. Bogor: Ghalia Indonesia.

- Irma Martiny Md Yasim, Maimun Aqsha Lubis, Zaid Arafat Mohd Noor & Aisyah Sjahrony. (2017). *Penggunaan Teknik Pembelajaran Aspek Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid*. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) 1(1): 14-24.
- Ismail Muda. (1999). *Penguasaan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sek. Men. Keb. Pengkalan Chepa*. (Tesis Yang Tidak Diterbitkan), Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Kartini Kartono. (1996). *Pengantar Metodologi Riset Sosial*. Bandung: Mandar Maju.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias, Saedah Siraj & Zaharah Hussin (2013). *Inovasi dan Kreativiti Dalam Rekabentuk Buku Teks Sekolah Menengah: Aplikasi Pendekatan Interpretive Structural Modeling (ISM)*. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Bil. 1.
- Mufidah, Nuril (2019). *Hybrid Learning dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pada Anak Berbantuan Media Al-Mutho'*. Al-Mudarris. Vol. 2. No. 1.
- Mustafa Dollah (1994). *Penggunaan kamus al-Marbawi di kalangan pelajar tingkatan lima sekolah menengah agama di Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Eszereen Juferi, (2018). *Gamifikasi pendekatan baharu dalam pengajaran mampu tingkat pemahaman pelajar*. (Online) Retrieved at 24 Spet 2018 form [http://www.upm.edu.my/berita/gamifikasi\\_pendekatan\\_baharu\\_dalam\\_pengajaran\\_mampu\\_tingkat\\_pemahaman\\_pelajar-25261](http://www.upm.edu.my/berita/gamifikasi_pendekatan_baharu_dalam_pengajaran_mampu_tingkat_pemahaman_pelajar-25261).
- Norma Mohamad (2002). *Penggunaan kamus Arab-Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah*. Disertasi Sarjana: Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Novi Mulyani. (2017). *Pengembangan Seni Anak Usia Dini*. Bandung: REMAJA ROSDAKARYA.
- Qomaruddin, A. (2017). *Implementasi Metode Bernyanyi dalam Pembelajaran Mufradāt*. Jurnal Kependidikan, 5(1), 25–36. doi: 10.24090/jk.v5i1.1240.
- Rahim Ramly (2009). *Penguasaan Perbendaharaan Kata bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah Kebangsaan Menerusi Program j-QAF: Satu Kajian Kes*. Wacana Pendidikan Islam (peringkat Nusantara) siri ke-7 (pp. 579-588). Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia.
- Sahrir, M. S., & Alias, N. A. (2012). A design and development approach to researching online Arabic vocabulary games learning in IIUM. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 67, 360-369.
- Salmah Ahmad & Suhaila Zailani @ Ahmad. (2017). *Al-Lacb Al-Bidagugi Hajjah Mulazamah Li Amaliyyah Al-Tacallum Dlm Al-Lughah Al-Carabiyyah Wa Adabuha Wa Tsaqafatuha Fi Al-Mamlakah Al-Carabiyyah Al-Su Cudiyah Wa Maliziyya*, 298-306. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Sinar Harian. (2018). *KPM lancar kempen guru pembelajaran abad ke-21*. 20 Disember[<https://www.sinarharian.com.my/article/3275/BERITA/Nasional/KPM-lancar-kempen-guru-pembelajaran-abad-ke-21>].
- Syakirah Mohd Razman (2004). *Penggunaan kamus dalam pembelajaran BAK: satu tinjauan di kalangan pelajar tingkatan tiga di empat buah sekolah SMKA*. Kertas projek sarjana . Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wahida (2017). *Penggunaan Kamus Cetak Dan Kamus Digital Sebagai Sumber Belajar Bahasa Arab*. Al-Turats. Vol. 11. No. 1.
- Zimmerer, T. W. & Scarborough, N. M. (2004). *Essentials of entrepreneurship and small business management*. (4th ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.